



# Warisan

## Warisan

KDN 7890

KELUARAN 15 1991  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



## **LAGU: SETIA BERSAMA**

*Bersama setia pemimpin dan Rakyat  
seiya sekata menambahkan erat  
dijinjing yang ringan, yang berat dipikul  
sejalan seiringan dengan rasa syukur*

*Jika ada kekusutan  
dicari penyelesaian  
demi hari muka  
Negeri Sembilan*

*Setia kepada Raja  
pemimpin serta negara  
berbakti dengan jujur  
Negeri aman makmur*

*Kegunung sama didaki  
kelurah sama turuni  
biar ikhlas berusaha  
demi negeri tercinta*

*Bagai aur dengan tebing  
saling perlu memerlukan  
rakyat dan pemimpin  
tidak mungkin dipisahkan*

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | Baba bin Ludek                              | 7 - 23  |
| 2. | Wira Negara                                 | 24 - 28 |
| 3. | Sejarah Lukut                               | 29 - 37 |
| 4. | Adat Istiadat Menjemput<br>Datuk Lembaga    | 38 - 46 |
| 5. | Prosedur Pertabalan Yang<br>Dipertuan Besar | 47 - 49 |
| 6. | Sejarah Tampin                              | 50 - 55 |
| 7. | Marhum Muhammad Said<br>bin Jamaluddin      | 56 - 58 |
| 8. | Perkampungan Orang Asli Tekir               | 59 - 66 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD,  
S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C.**  
*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus*



فجابه منتري بسر  
نكري سيمبلن  
ڤرانتسوس

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN.

## KATA-KATA ALUJAN

**U**saha menyingkap semula bahan-bahan sejarah di negeri ini dengan membukukannya secara bersiri dalam 'Jurnal Warisan' ini adalah satu-satunya langkah yang amat tinggi nilainya.

**P**emaparan segala bentuk bahan ini secara tidak langsung akan menyuburkan kekayaan sejarah yang dimiliki, supaya ia tidak pupus ditelan waktu dan terhindar dari ingatan generasi baru.

**M**aka itu, amat wajar bagi usaha-usaha penyelidikan dan diperhebatkan oleh tenaga-tenaga sejarah di negeri ini dengan harapan agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah yang berupa lisan, tulisan dan objek akan dapat didengar, dilihat dan ditatapi oleh pewaris bangsa kemudian hari kelak.

**D**i samping itu, penghayatan bahan-bahan sejarah ini sudah pasti akan dapat menghidupkan tahap kecenderungannya dengan pelbagai aktiviti sampingan yang dianjurkan baik menerusi jabatan mahupun badan pemelihara dan pengembang sejarah seperti ini.

**S**emoga kelahiran jurnal terbaru ini akan dapat memperlengkapkan lagi pengetahuan sejarah masyarakat sekelian yang tentunya dahagakan bahan-bahan seumpamanya.

Salam hormat,

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

# SIDANG REDAKSI WARISAN KE - 15



Tn. Hj. Hisham Hj. Omar  
AMN., ANS., PJK.



Tuan Haji Misan Mastor



Tuan Haji Ismail Hadi  
KMN., AMN., PMC., PJK.



En. Zulkapli Othman



En. Khalid Md. Yasin

<i>Pengerusi</i>	: Tuan Haji Hisham b. Haji Omar
<i>Ketua Pengarang</i>	: Tuan Haji Mohd Hisa b. Tahat
<i>Editor</i>	: Tuan Haji Ismail b. Hadi
	: Tuan Misan b. Mastor
	: Encik Zulkapli b. Othman
<i>Setiausaha</i>	: Encik Khalid b. Md. Yasin





## KATA-KATA ALUAN

*A*ssalamualaikum warahmatullah Hiwabarakatuh,

*S*yukur Alhamdulillah kita berjumpa lagi dalam Jurnal Warisan Terbitan Ke15 ini. Semoga terbitan Warisan ini akan berterusan pengeluarannya pada setiap tahun bagi memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, agar Warisan ini menjadi tatapan, renungan dan sumber pengetahuan mengenai Sejarah Politik, Budaya, Tokoh dan peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Negeri Sembilan untuk kita jadikan panduan dalam kehidupan kita sekarang dan masa akan datang.

*K*ita harus merakamkan setiap peristiwa penting dan perubahan yang berlaku di samping mencungkil kembali Sejarah kewujudan dan peristiwa yang telah berlaku untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang melalui Jurnal 'Warisan' ini.

*S*ekian, terima kasih.

**(HAJI MOHD ISA BIN TAHAT)**  
Ketua Pengarang,  
Persatuan Sejarah Malaysia/  
Negeri Sembilan.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
1989-1991**

- Yang Di Pertua* : Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, SPNS., PSM., DSNS., PMC.  
(Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Naib Yang Di Pertua* : Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS.  
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Setiausaha Kehormat* : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
- Penolong Setiausaha Kehormat* : Encik Zakaria bin Endon, PJK.
- Bendahari* : Encik Tilak Raj Sharma
- Ketua Pengarang* : Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
- Ahli-ahli J/kuasa* : Tuan Haji Hisham bin Omar, AMN., ANS., PJK.  
: Encik Zainalabidin bin Yusof, PPB., PMC.  
: Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.  
: Encik Norhalim bin Haji Ibrahim  
: Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

**WARISAN KE 16**

***Saudara/Saudari Penulis tanah air, hantarlah tulisan anda tentang Negeri Sembilan Drul Khusus kepada kami untuk dimuatkan dalam WARISAN yang akan datang.***

**-- Ketua Pengarang --**



# WIRA NEGARA ENCIK OMAR BIN AHMAD

*Oleh: HAJI ISMAIL ABDUL HADI*

## PENGENALAN:



*ENCIK OMAR BIN AHMAD*

Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Demikian peribahasa menyebut dan memberitahu kita. Begitu juga setiap insan mempunyai sejarah peribadi masing-masing. Dalam menjalani hidupnya, seseorang itu, sedikit sebanyak ada kerja-kerja bakti yang dilakukan. Dengan kata lain, ada sumbangan jasa untuk keluarga, masyarakat atau negara. Tetapi sejauh mana masyarakat mahu menerima dan mengiktiraf sumbangan itu, terserahlah di atas budi bicara dan kemahuan masyarakat dan pihak berwajib itu menilainya. Secara rasionalnya, setiap jasa itu pasti dikenang.

Begitulah halnya dengan seorang insan yang bernama **Omar bin Ahmad**, yang telah diiktiraf sebagai seorang **Wira Negara**. Apakah penilaian yang telah diberi sehinggakan insan ini diberi penghormatan sedemikian? Kita lihat serba sedikit kisahnyanya di bawah ini.

## SIAPA OMAR BIN AHMAD:

Encik Omar bin Ahmad, telah dilahirkan pada tahun 1917 di Kampung Peradong <sup>(1)</sup> Jelebu, Negeri Sembilan. Beliau juga dikenali dengan panggilan atau nama timangan "Cikgu Omar" oleh murid-muridnya, guru-guru dan masyarakat setempat. Orangnya peramah, lembut dan senyum sentiasa terukit dibibirnya, menyebabkan wajahnya kelihatan muda berbanding dengan usianya.

Kini beliau tinggal di rumahnya di alamat No. 11, Kampung Kelambang <sup>(2)</sup>, Hulu Jelebu, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan. Hidup secara "senang" dan "bebas" dalam masyarakat seharian.

## OMAR SEBAGAI SEORANG GURU:

Encik Omar semasa kanak-kanaknya berpeluang belajar di sekolah. Sekolah yang bersejarah dan mengenalkan beliau dengan pengetahuan menulis dan membaca ialah Sekolah Melayu Kampai <sup>(3)</sup>, Jelebu.

1. Kampung Peradong terletak di antara Kampung Pergal dengan Kampung Kampai mengikut jalan dari Kuala Klawang ke Pertang. Kira-kira 9km daripada Kuala Klawang.
2. Kampung Kelambang terletak tidak jauh daripada bandar Kuala Klawang kira-kira 2km. Boleh ikut jalan ke Masjid Kuala Dulang.
3. Sekarang ialah Sekolah Kebangsaan Kampai.

Beliau belajar di sekolah ini pada tahun 1924 hingga ke tahun 1933, iaitu kira-kira 10 tahun. Tempoh waktu yang menjadikan 10 tahun adalah disebabkan menunggu peluang untuk dilantik menjadi seorang guru yang dikenali sebagai "Guru Pelatih" (1).

Seorang murid dibenarkan bersekolah selagi mahu di dalam darjah yang tertinggi, iaitu Darjah Enam, atau kemudian Darjah Tujuh atau disabut juga "Darjah Khas".

Bagi murid-murid yang berminat, menunggu di Darjah Enam atau Tujuh, tidak menjadi hal. Mereka merasa masih kecil dan peluang untuk bekerja Kerajaan amat sedikit sekali daripada lulusan aliran Melayu.

Cikgu Omar ini pun begitulah keadaannya. Berkat tekun dan sabarnya, buah yang ditunggu akhirnya gugur juga dipangkuan. Bulan jatuh ke riba. Bulat datang menggolek, pipih datang melayang, kata peribahasa. Cigu Omar begitu besar hati dan gembira kerana telah dilantik sebagai "Guru Pelatih" diwaktu berusia 17 tahun.

Beliau mula ditempatkan mengajar sebagai guru pelatih di Sekolah Melayu Johol, Kuala Pilah, pada tahun 1934. Belum pun sempat menimba pengalaman yang banyak di sekolah ini, Cikgu Omar yang begitu gigih dan bersemangat menjadi seorang guru itu, telah diarahkan pula bertukar mengajar ke Sekolah Melayu Tanah Melintang, Seri Menanti, Kuala Pilah, pada tahun 1935. Tanpa banyak bicara Cikgu Omar membawa "tikar bantal" mematuhi arahan pertukaran tersebut walaupun baru menjelang setahun beliau di Sekolah Melayu Johol itu.

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tidak siapa tahu. Bintang Cikgu Omar begitu cerah sekali. Berdasarkan kepintaran, kepandaian, kecerdikan, kebijaksanaan dan pengalaman, mengajarnya yang begitu berkesan, Cikgu Omar berjaya dipilih untuk melanjutkan pelajarannya ke Sultan Idris Training Collage (SITC), (satu-satunya pusat institusi pengajian tinggi perguruan aliran Melayu bagi murid lelaki yang ada ketika itu) setelah berjaya melayakkan diri di dalam beberapa peperiksaan dan temuduga yang diadakan oleh pihak Pejabat Pelajaran ketika itu.

Lantaran itu, Cikgu Omar dihantar oleh keluarga dan sanak saudara ke stesyen keretapi Seremban untuk pergi ke Tanjung Malim, Perak. Cikgu Omar belajar di SITC, Tanjung Malim, ini pada tahun 1936. Semasa di maktab ini Cikgu Omar telah pun menunjukkan kemampuannya menjadi pemimpin. Beliau telah memegang banyak jawatan-jawatan penting. Antaranya Cikgu Omar dipilih menjadi Ketua Penuntut Negeri Sembilan (2).

Selain itu Cikgu Omar juga pernah dipilih menjadi Penolong Ketua Rumah E (Tun Seri Lanang di Tadah Selatan). Cikgu Omar juga melibatkan diri dalam pasukan "Volunteer" di maktab ini dengan memakai pangkat Koperal, Selama tiga tahun sehingga tahun 1938, Cikgu Omar di Maktab ini, banyak sekali beliau menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman untuk menjadi seorang pemimpin dan pejuang.

Setelah tamat belajar di SITC ini, maka pada tahun 1939 Cikgu Omar telah dihantar pulang ke Negeri Sembilan dan beliau telah ditempatkan mengajar di Sekolah Melayu Durian Tipus, Jelebu, yang tidak berapa jauh dari kampungnya. Dengan penuh semangat dan ilmu di dada Cikgu Omar pergi ke sekolah ini untuk mempraktikkan pengajaran dan pembelajaran kepada anak didik yang sememangnya menunggu guru lepasan maktab yang sudah cukup terlatih. Namun begitu Cikgu Omar hanya sempat mengajar di sekolah ini selama setahun. Pada tahun 1940, Cikgu Omar diarahkan bertukar ke Sekolah Melayu Teriang, juga di dalam daerah Jelebu. Sedih hati beliau meninggalkan anak murid di Sekolah Melayu Durian Tipus yang baru hendak meletakkan "sayang", tiba-tiba diarahkan berpindah. Cikgu Omar tidak membantah. Padanya, di mana beliau mengajar, di situlah bakti disemai. Semuanya anak bangsanya belaka. Cikgu Omar pergi dengan penuh kerelaan.

1. Guru Pelatih: Murid Darjah IV atau VII dilantik sebagai guru mengajar di sekolah-sekolah aliran Melayu. Guru ini kebanyakan dapat melanjutkan ilmu perguruan sama ada di SITC atau MWTC.
2. Ketua Penuntut N.S.: Seorang ketua yang dilantik oleh penuntut-penuntut daripada NS yang menguruskan segala hal kebajikan dan hal ehwal penuntut yang datang daripada NS. Pemilihan biasanya dibuat di dalam mesyuarat Agung penuntut-penuntut NS.

Perang Dunia kedua meletus, Cikgu Omar yang berpengalaman sebagai seorang ahli "volunteer" itu telah dilantik menjadi L/Sargent untuk menjaga tahanan Jepun di Port Swettenham, Kelang, Selangor.

Di samping itu, kariernya sebagai seorang guru tidak tamat di situ. Semasa pemerintahan Jepun, beliau ditempatkan pula mengajar di Sekolah Melayu Ulu Klawang (1) Jelebu. Bagi membolehkan Cikgu Omar mengajar dengan lebih berkesan, beliau telah diberi peluang belajar bahasa Jepun sebagai berlatih mengajar dalam bahasa Jepun selama 3 bulan di Seremban dan 3 bulan di Kajang, Selangor. Di zaman pemerintahan Jepun ini, Cikgu Omar banyak menimba pengalaman dan belajar untuk menjadi pemimpin dan pejuang. Perit maung, pedih getir di bawah Jepun banyak sekali mengajar kesedaran dirinya dan yang lebih penting memuncaknya semangat cintakan watannya. Segalanya menjadi peransang ke arah cita-cita dan perjuangan masa depannya.

Hiroshima dan Nagasaki dibom dengan bom atom. Akibatnya, Jepun menyerah diri pada tahun 1945. British memerintah Tanah Melayu semula walaupun diganggu oleh "Bintang Tiga" selama 14 hari. Karier Cikgu Omar sebagai seorang guru masih kekal. Beliau dilantik sebagai guru oleh Kerajaan British. Sekali lagi beliau ditempatkan di Sekolah Melayu Ulu Klawang, jelebu. Menjelang tahun 1946 dengan semangat wira yang berkobar, ditambah dengan pengalaman yang dilalui dan ditempuh sebelum itu dan didesak oleh keadaan serta pergolakan politik tanahair, Cikgu Omar memilih keluar daripada perguruan untuk melibatkan diri secara langsung dan bebas dalam perjuangan gerakan kebangsaan menentang Malayan Union.

Dalam arus debu dan api yang membakar semangat itu, Cikgu Omar adalah sama-sama menjadi orang depan atau pengasas kepada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang ditubuhkan pada 11 Mei, 1946 di Johor Baru itu. Tegasnya Cikgu Omar telah memainkan peranan dan memberikan jasanya sekaligus sebagai pengasas kemerdekaan tanah tanahair.

Cikgu Omar merasa keadaannya semakin terdesak. Ketika itu wang amat diperlukan untuk menyara keluarga. Parti belum menjamin kehidupannya. Dengan berperanan sebagai "serampang dua mata", Cikgu Omar akhirnya memohon semula menjadi seorang guru. Kali ini beliau ditempatkan di sekolah di luar daerah Jelebu iaitu di Sekolah Melayu Sri Menanti. Sekalipun agak jauh sedikit dari kampungnya, Cikgu Omar tetap mematuhi arahan tersebut. Di sekolah ini cikgu Omar mengajar cuma setahun di mana beliau kemudiannya ditukarkan semula ke Jelebu iaitu di Sekolah Melayu Ulu Jelebu(2) Sekolah ini sebuah sekolah yang baru diwujudkan. Cikgu Omar dilantik sebagai Guru Besar di sekolah ini. Di sini Cikgu Omar terpaksa membuktikan kepimpinannya sebagai seorang ketua berhadapan dengan beberapa orang guru penolong dan pihak pentadbir Pejabat Pelajaran. Cikgu Omar mamp melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik-baiknya. Setahun sahaja Cikgu Omar mengajar dan mentadbir di sekolah ini.

Pada tahun 1949 beliau telah diarahkan bertukar ke Sekolah Melayu Kampung Puom, Kenaboi(3) Jelebu. Beliau kesudahannya sempat mengajar selama dua tahun di sekolah ini. Pada tahun 1951 Cikgu Omar telah diarahkan pula bertukar ke Sekolah Melayu Anak-Anak Askar Si Rusa, Port Dickson. Di sini beliau menimba banyak pengalaman tentang disiplin pasukan askar dengan mencampuri masyarakat tentera itu. Cikgu Omar dapat bertahan di sekolah ini selama lima tahun. Kemudian pada

tahun 1956, beliau ditukarkan semula ke Jelebu dan ditempatkan di Sekolah Melayu Amar Penghulu. Di sekolah inilah Cikgu Omar mengakhiri khidmatnya sebagai seorang guru kerana melibatkan diri secara serius di dalam politik. Cikgu Omar meletakkan jawatan sebagai seorang guru untuk bertanding di dalam Pilihanraya Umum 1956 sebagai calon PAS menentang calon Perikatan di Kawasan Kuala Klawang.

Cikgu Omar tidak berjaya untuk menjadi seorang Wakil Rakyat, tetapi beliau tidak kesal malah meneruskan faham politiknya buat beberapa ketika. Ketika itu beliau berusia 41 tahun dan telah memberi khidmat sebagai guru 11 tahun. Cikgu Omar hidup sebagai orang kampung mencari rezeki di mana yang patut buat beberapa tahun.

Semangat ingin menjadi guru masih tidak luput. Hal ini jelas apabila seorang kawan beliau Cikgu Alias bin Ali(1) mencadangkan supaya beliau mengajar di salah sebuah sekolah "prebet" di Seremban, Cikgu Omar bersetuju. Cikgu Alias bin Ali mengusahakan bersama Cikgu Mohd. Nor Hamid(2) bagi mendapatkan tempat di Sekolah Tinggi Chong Hwa, Seremban. Akhirnya berkat usaha kedua-dua rakannya, beliau diterima mengajar di sekolah ini buat beberapa tahun untuk menampung keluarga.

Cikgu Omar kemudiannya mengambil keputusan meninggalkan jawatan gurunya di Sekolah Tinggi Chong Hwa, Seremban itu dan balik semula ke kampungnya, Kampung Jambatan Serong, Ulu Klawang bersama-sama isteri pertamanya selama 42 tahun. Isterinya meninggal pada tahun 1982 dan kahwin dengan isteri keduanya pada tahun 1986 di Kampung yang ada sekarang.

---

1. Cikgu Alias Ali: Bekas Pengelola Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Negeri Sembilan.

2. Cikgu Mohd. Nor Hamid: Bekas Guru Pelawat Daerah Port Dickson.

## CIKGU OMAR DAN MASYARAKAT:

Sebagai seorang guru ketika itu memang mendapat sanjungan daripada masyarakat, apatah lagi kalau seseorang guru itu aktif dalam mendekati dirinya dengan masyarakat. Cikgu Omar dengan perawakan dan keaktifan beliau memang mendapat sanjungan daripada masyarakat di kampungnya dan setempat. Cikgu Omar banyak sekali bercampur gaul dengan semua golongan masyarakat, tidak kira miskin atau kaya, hina atau mulia, pemimpin atau rakyat. Kerana sikap Cikgu Omar yang disegani itu, beliau akan sentiasa terlibat dalam apa sahaja acara di kampung dan di sekitarnya. Banyak bidang yang Cikgu Omar melibatkan diri, antaranya:

### **A. Pertanian**

Sebagai orang kampung sedikit sebanyak ada mengusahakan pertanian seperti bersawah padi, kebun, ladang, dusun, bercucuk tanam sayur-sayuran, memelihara ayam itik, kerbau, kambing dan sebagainya. Beliau menjadi ahli Pertubuhan Peladang Daerah Jebebu. Beliau juga adalah ahli Pekebun Kecil dan menyertai Rancangan Tanah Pinggir Ulu Klawang. Beliau pernah dilantik menjadi Ketua Unit PPPK Kampung Kemin-Ulu Klawang, Jebebu.

## B. Koperasi

Sentiasa menyahut seruan Kerajaan, kerana itu beliau melibatkan diri sebagai ahli dan membeli sedikit sebanyak saham. Antaranya ialah, Syarikat Utusan Melayu, Syarikat Koperasi Bersatu, Syarikat Pertubuhan Peladang Kawasan Jelebu.

## C. Agama

Sebagai seorang Islam dan duduk di kampung, sudah pasti Cikgu Omar melibatkan diri dengan semua kegiatan agama Islam yang dijalankan. Yang nyata penglibatannya ialah menjadi ahli Tarekat Ahmadiyah dan sebagai Khalifah kepada Tuan Sheikh Abdullah dan Tuan Sheikh Ahmad<sup>(1)</sup> Cikgu Omar bertanggungjawab mengembangkan tarekat ini di daerah Jelebu.

---

1. Tuan Sheikh Ahmad: Bekas Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

## D. Pentadbiran Kerajaan

Cikgu Omar melibatkan diri di dalam pentadbiran Kerajaan di peringkat bawahan. Beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung bagi kariah Batu Serambai, Ulu Klawang, Jelebu.

## E. Politik

Cikgu Omar memang orang politik. Memang mengabdikan diri kepada politik. Sebagai penentang Malayan Union beliau adalah pengasas kepada UMNO. Di peringkat awal memang seluruh jiwa raga politiknya dicurahkan kepada UMNO.

Tetapi disebabkan sesuatu beliau bertindak keluar daripada UMNO untuk menyertai PAS dan masuk bertanding melawan calon perikatan mendiang Dato' Lim Kim Kee semata-mata mengikut darah panas orang muda. Kini Cikgu Omar adalah ahli UMNO yang taat dan setia pada pemerintah. Beliau memegang jawatan Ketua UMNO Cawangan Kemin sejak tahun 1967 hingga 1981. Selama 14 tahun pula Cikgu Omar menduduki Jawatankuasa UMNO Bahagian Jelebu.

## PENGIKTIRAFAN WIRA

Apa yang akan jadi esok tidak siapa dapat menelah. Tidak siapa dapat menduga dan tidak siapa dapat menentukan melainkan Allah. Cikgu Omar tidak menduga sumbangannya itu diberi penghormatan, diberi penilaian dan diberi pengiktirafan. Sebagai pemimpin kecil di kampung memanglah itu kerjanya, bergaul dengan masyarakat, mengambil tahu sakit pening dan kenduru kendara. Atas usaha gigih ini beliau dianugerahkan pingat PPN dan PKL.

Cikgu Omar terperanjat dan terpegun apabila beliau buat kali ketiganya dijemput menghadiri Hari Kebangsaan di Kuala Lumpur. Maka pada tahun 1987 telah diiktiraf sebagai seorang "Wira Negara" yang tidak pernah termimpi olehnya.

Kini Cikgu Omar hidup aman damai bersama keluarga. Masih dalam keadaan sihat walafiat dan boleh lagi memberikan khidmat baktinya kepada masyarakat dan acara-acara kerajaan.